



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARIRABU : 16 NOVEMBER 2011

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO.
7,10 HINGGA 42)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN - BN]**

TARIKH 16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN NO. 7

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan kaum belia menyahut seruan Kerajaan dalam mendaftarkan diri sebagai pemilih berdaftar di Suruhanjaya Pilihanraya (SPR); dan
- (b) langkah serta inisiatif untuk melahirkan atlet yang berkaliber dan cemerlang dalam bidang sukan di mata dunia.

SULIT

JAWAPAN (a) data yang diperoleh daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi suku tahun kedua 2011 seperti yang diwartakan pada 16 Ogos 2011, di dapati bahawa seramai 5,294,497 orang belia telah mendaftarkan diri sebagai pemilih berbanding 8,179,999 orang yang layak dan meninggalkan baki seramai 2,885,502 orang belia lagi yang masih belum berbuat demikian.

Justeru, bagi bersama-sama menjayakan hasrat untuk menggalakkan para belia mendaftarkan diri mereka sebagai pemilih, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan kerjasama dengan SPR untuk membuka kaunter pendaftaran di lokasi-lokasi program dan aktiviti yang dianjurkan. Ia diteruskan dengan mengadakan kerjasama bersama pertubuhan-pertubuhan belia termasuk Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi memastikan ahli-ahli daripada semua badan gabungan mendaftar sebagai pemilih.

Selain itu, seramai 5 orang ahli MBM peringkat kebangsaan dan 21 orang di peringkat negeri telah dilantik sebagai Penolong Pendaftar SPR di seluruh negara.

JAWAPAN (b):

Bagi memastikan pencapaian atlet negara berada ditahap cemerlang diperingkat antarabangsa pula, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara sentiasa melaksanakan program pembangunan secara berterusan.

Program ini diwujudkan berdasarkan Pelan Periodisasi Latihan yang dirangka secara bersama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan dan Persatuan Jurulatih Kebangsaan yang dijalankan setiap tahun.

SULIT

Program ini merangkumi beberapa pendekatan dan inisiatif, antaranya:-

- a. Program latihan pendedahan luar negara dan Program Tindik (attachment),
- b. Menyertai pertandingan dalam dan luar negara,
- c. Kem-kem tahunan dan latihan pusat mengikut sukan,
- d. Kem motivasi,
- e. Kem latihan pusat sebelum sesuatu temasya sukan, serta
- f. Penerapan komponen latihan sains sukan.

Melalui pendekatan ini, diharap para atlet dapat dipersiapkan dengan sepenuhnya dalam aspek kemahiran, kecergasan dan ketahanan mental sebelum menyertai satu-satu kejohanan.

Dalam masa yang sama, Kementerian turut menyediakan insentif-insentif seperti elaun latihan, biasiswa sukan, program pendidikan serta skim hadiah kemenangan bagi memberi galakan kepada atlet-atlet untuk mencapai kecemerlangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGGAI SIPUT]**

TARIKH 16 NOVEMBER 2011

SOALAN

Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan jururawat terlatih yang sedang berkhidmat di Malaysia mengikut pecahan sektor awam dan sektor swasta

Tuan Yang di-Pertua

Bilangan keseluruhan jururawat terlatih yang berkhidmat di Malaysia sehingga Disember 2010 adalah seramai 69,110 orang iaitu seramai 47,992 orang di Sektor Awam dan 21,118 orang di Sektor Swasta (Health Facts 2010, KKM).

I

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. TUAN DING KUONG HUNG (SARIKEI)
--------------------------------	--

TARIKH	16.11.2011
---------------	-------------------

SOALAN:

Y.B. TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI] minta Menteri Pelajaran menyatakan status pembinaan sebuah sekolah menengah baru di Sarikei. Nyatakan juga rancangan Kementerian menyelesaikan masalah kesesakan pelajar di kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sarikei Baru telah diluluskan dalam RMKe-10. Skop yang dicadangkan adalah merangkumi blok pentadbiran, blok akademik sebanyak 36 buah bilik darjah, dewan, kantin dan lain-lain kemudahan yang boleh menampung lebih 1000 orang murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos bagi projek ini adalah sebanyak RM48.2 juta. Status pelaksanaan projek ini adalah di peringkat penyediaan dokumen dan dijangka tender akan dikeluarkan pada akhir Disember 2011. Justeru, apabila semua proses berkaitan selesai, projek tersebut dijangka akan dapat dimulakan pada Februari 2012. Pembangunan sekolah baru ini diharapkan dapat mengatasi masalah kesesakan murid di empat (4) buah sekolah di sekitarnya iaitu SMK. Bandar Sarikei, SMK. St. Anthony, SMK. Tinggi Sarikei dan SMK. Sg. Paoh.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARI PAD A	Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG]
TARIKH	16 NOVEMBER 2011
SOALAN	Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta Menteri Negeri menyatakan adakah Kerajaan akan meratifikasi (ratify) 1951 UN Refugee Convention dan UN Convention Against Torture memandangkan keputusan Mahkamah Australia baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. [Klang] bersama soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

- Y.B. [Selayang] bertarikh 17 November 2011; dan
- Y.B. [Subang] bertarikh 17 November 2011 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia tidak menandatangani instrumen-instrumen antarabangsa iaitu Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sipil dan Politik 1966 (*International Covenant on Civil and Political Rights - ICCPR*) ; Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan 1966 (*International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights - ICESCR*); dan Konvensyen mengenai Penyeksaan 1984 (*Convention Against Torture - CAT*), kerana tempoh masa untuk menandatangani dan meratifikasi instrumen tersebut telah luput . Ini bermakna Kerajaan hanya boleh menyertai atau, dengan izin, 'accede to' instrumen-instrumen tersebut.

3. Dalam hal ini, Malaysia perlu membuat persediaan menyeluruh dalam memastikan semua peruntukan instrumen berkenaan boleh diaplikasikan melalui rangka perundangan negara. Di samping itu, undang-undang sedia ada perlu disemak bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan peruntukan instrumen yang disertai. Bagi mengkaji kemungkinan Malaysia menjadi Negara Pihak kepada instrumen-instrumen ini, Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Antara Kementerian dan Agensi.

4. Bagi Konvensyen mengenai Pelarian pula, Kerajaan perlu melihat kesan penyertaan negara ke dalam Konvensyen tersebut dari segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial berikutan kehadiran 'warga-warga pelarian' dan lain-lain lagi. Aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan juga adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian. Negara-Negara Pihak kepada Konvesyen berkenaan mempunyai obligasi yang perlu dipatuhi kepada seperti pemberian percuma kemudahan kesihatan dan akses kepada kemudahan pelajaran.

6. Berhubung keputusan Mahkamah Tinggi Australia mengenai perjanjian pertukaran pemohon suaka antara Malaysia dan Australia, ingin ditegaskan di sini bahawa keputusan tersebut tidak menyentuh Malaysia sebagai sebuah negara yang daulat dan merdeka. Kerajaan memandang keputusan ini, dan oleh mana-mana Mahkamah negara lain sebagai satu urusan dalaman negara tersebut dan tidak dicampuri Malaysia. Oleh itu, keputusan Mahkamah Tinggi tersebut tidak mempunyai impak ke atas keputusan Malaysia untuk menyertai atau tidak *Convention relating to the Status of Refugees 1951*.

7. Walaupun Malaysia bukan Negara Pihak kepada *Convention relating to the Status of Refugees 1951*, saya ingin menekankan bahawa negara kita atas dasar perikemanusiaan dari semasa ke semasa menghulur bantuan kemanusiaan sama rata kepada individu-individu yang telah diiktiraf oleh UNHCR sebagai 'pelarian' dan diberi kad UNHCR tanpa mengira kewarganegaraan. Komitmen negara ini telah terbukti semenjak dari tahun 1975

dengan membantu 'pelarian' daripada Indo-China.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

**JAWAB LISAN DATIN LINDA
TSEN THAU LIN [BATU SAPI
]**

TARIKH

16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN :

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk melaksanakan pemasangan talian internet untuk kampung-kampung di Batu Sapi.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melakukan program penyediaan kemudahan hubungan internet di seluruh Malaysia di bawah inisiatif Kampung Tanpa Wayar (Kampung WiFi) termasuk kampung-kampung di Parlimen Batu Sapi. Pelaksanaan projek Kampung WiFi ini dijalankan secara berperingkat di 600 kampung di Sarawak dan 500 kampung di Sabah yang merangkumi 3,100 kampung di seluruh negara sehingga penghujung tahun 2012.

SOALAN NO: 9

Sebanyak tiga (3) buah kampung telah dikenalpasti dalam perancangan inisiatif tersebut untuk fasa berikutnya di kawasan Parlimen Batu Sapi iaitu Kampung Pulau Shanghai, Kampung Segaliud dan Kampung Telupid. Pelaksanaan fasa berikutnya dijangka akan bermula pada penghujung tahun 2011.

VJO.SoAL/VNJ : 2^

~~NO. AUM"-15-~~

MO A HO - IMU.
A13r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH 16 NOVEMBER 2011
RUJUKAN 4189

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah didaftarkan dalam Program Pemutihan 6P baru- baru ini mengikut negara asal mereka dan bagaimanakah sejumlah yang begitu besar dapat memasuki Malaysia tanpa dikesan dan apakah

langkah-langkah Kementerian seterusnya untuk memastikan jumlah PATI tidak meningkat lagi.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kota Raja yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pelaksanaan Program Penyelesaian Menyeluruh Terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), sistem biometrik yang dikenali sebagai *National Enforcement Registration System* (NERS) telah digunakan sebagai kaedah penyimpanan rekod warga asing di bawah Proses Pendaftaran yang dimulakan penguatkuasaannya pada 1 Jun 2011. Proses Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) iaitu fasa pertama dalam Program 6P bermula pada 1 hingga 31 Ogos 2011. Seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah.

Warganegara Indonesia merupakan jumlah yang terbesar pekerja asing sah dan PATI yang berada di negara ini dengan jumlah seramai 1,045,921. Pecahan adalah 405,312 bagi pekerja asing sah dan 640,609 bagi PATI. Warganegara Bangladesh adalah golongan kedua terbesar dengan jumlah 400,700 orang iaitu 132,897 bagi pekerja asing yang sah dan 267,803 bagi PATI. Ini diikuti dengan negara Myanmar (257,583), Nepal (255,054) dan India (107,427). Dari segi jantina, jumlah lelaki adalah 977,140 atau 75 peratus. Bentuk kawalan yang dilakukan bagi menghindari kebanjiran PATI

adalah seperti berikut. Kawalan sebelum masuk ke Malaysia adalah:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).
- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensinya yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang

Manakala kawalan setelah berada dalam negara adalah:

negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan

- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

PERTANYAAN NO. 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: JAWAB LISAN

DARI PAD A YB DATUK SAPAWI BIN HAJI ISMAIL

[SIPITANG]

TARIKH 16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

**YB Datuk Sapawi Bin Haji Ismail [Sipitang] minta MENTERI
PEMBAGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan bagaimana penyalaraan pemberian bantuan kepada golongan sasar menerusi Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia (KARISMA) yang diumumkan baru-baru ini, dengan membabitkan 500,0 orang dikenal pasti serta peruntukan RM1.4 bilion, bagi menentukan ia menepati sasaran

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia (KAR1SMA) bertujuan meningkatkan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah serta memastikan tiada kelompok rakyat yang tercicir daripada menikmati faedah pembangunan dan kemakmuran negara.

Melalui KAR1SMA, sebanyak RM1.4 bilion diperuntukkan kepada 500,000 orang penerima bantuan kebajikan masyarakat serta program pembangunan kumpulan sasar KPWKM. Semua pemberian bantuan adalah diselaraskan oleh agensi-agensi bawah KPWKM di peringkat Negeri/Daerah/Jajahan/Bahagian mengikut lima kumpulan KAR1SMA yang meliputi kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, balu tentera dan polis dan komuniti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan bantuan adalah berasaskan syarat dan kriteria kelayakan sedia ada seperti berikut: i.

Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia; dan

Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu:

- RM720.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia;
- RM830.00 sebulan bagi Sarawak; dan
- RM960.00 sebulan bagi Sabah.

Selain itu, sebelum sesuatu bantuan diberikan, siasatan turut dijalankan bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja diberi bantuan.

Antara perkara-perkara yang disiasat ialah:

- Bilangan anak/tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan;
- Tahap ketidakupayaan ketua keluarga/ahli keluarga (contohnya keuzuran, sakit kurang upaya dan lain-lain);
- Sokongan daripada ahli keluarga;
- Keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga; dan
- Faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/keluarga.

Tuan Yang Di Pertua,

Permohonan bantuan adalah terbuka kepada rakyat Malaysia yang berkeperluan. Permohonan bantuan boleh dibuat oleh pemohon sendiri atau perujuk (pemimpin tempatan, waris atau wakil) terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat yang berhampiran atau pun melalui telefon, e- mel, surat dan talian faksimili. Di samping itu, pihak JKM mengamalkan kaedah pendampingan sosial, dengan izin, '*outreach*' melalui program turun padang yang diadakan secara berkala atau atas permintaan pemimpin tempatan. Keputusan permohonan adalah berdasarkan proses penilaian yang berpandukan syarat dan kriteria yang sedia ada. Melalui langkah-langkah ini, Kementerian dapat memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja diberikan bantuan.

NO SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN PERTANYAAN :

Y.B TUAN DARI PAD A KARPAL SINGH (BUKIT
GELUGOR)

16.11.2011 TARIKH (RABU)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilangan ahli bukan Melayu dalam angkatan tentera di negara ini terutamanya bagi yang berpangkat rendah (*rank and file*).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan ahli bukan Melayu dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi yang berpangkat rendah mengikut kaum adalah :

- | | | |
|---|----------|--------------------|
| a. Cina | - | 269 orang |
| b. India | - | 743 orang |
| c. Bumiputera Sabah
(Bajau dan Kadazan) | - | 3,768 orang |
| d. Bumiputera Sarawak
(Iban dan Bidayuh) | - | 8,304 orang |
| e. Lain-lain | - | 299 orang |

NO. SOALAN:17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
 [PADANG BESAR]
TARIKH BERSIDANG : 16 NOVEMBER 2011
SOALAN

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada benar atau tidak sebuah hospital baru akan dibina di Perlis dan jaraknya lebih kurang 5 km sahaja dari Hospital Tengku Fauziah (Hospital Besar Negeri).

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum pandangan yang mengesyorkan supaya sesebuah hospital baru dibina bagi menampung keperluan Hospital sedia ada yang berisiko dilanda banjir dan menampung kesesakan pada masa akan datang. Kementerian Kesihatan turut menerima cadangan tapak bagi keperluan tersebut di Kampung Surau Utan Aji yang jaraknya kira-kira 5 KM dari Hospital sekarang, di atas tanah tinggi berkeluasan kira-kira 50 ekar.

Walaupun demikian, Kementerian akan menjalankan satu kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi mengkaji kesesuaian mendirikan hospital ini di tapak yang dicadangkan. Kajian kemungkinan ini akan mengambilkira kepadatan penduduk, taburan penduduk pertumbuhan ekonomi kawasan sekeliling masa hadapan, *morbidity* dan *mortality*

JAWAPAN:

pattern dan sebagainya sebelum keputusan muktamad dibuat mengenai pembinaan hospital baru yang dicadangkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARI PAD A LISAN

SOALAN NO.? **18**

KAWASAN Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN BANDAR

TARIKH KUCHING 16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapakah langkah yang telah
dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan
lalu lintas yang kian bertambah serius di bandar Kuching.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian amat prihatin dan mengambil maklum masalah kesesakan lalulintas di bandar Kuching akibat daripada peningkatan jumlah kenderaan. Sehubungan itu, pihak Kementerian sedang mengambil langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas ini melalui pembinaan jalan pintas, menambah lorong jalan dan menaiktaraf persimpangan sedia ada bagi meningkatkan kapasiti jalan. Projek-projek yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Projek Menaiktaraf Persimpangan Jalan Tun Jugah/Jalan Song/Upland Interchange dengan kos sebanyak RM49.96 juta. Projek ini telah dimulakan pada 17 Mac 2011 dan dijangka siap pada Mac 2013;
- (ii) Projek Pembinaan Jambatan Batu Kawa yang terbahagi kepada 2 pakej iaitu:
 - (a) Pakej A: Pembinaan Jambatan Batu Kawa dengan kos sebanyak RM17.8 juta. Projek ini telah dimulakan pada 25 Jun 2010 dan dijangka siap pada Disember 2011;
 - (b) Pakej B: Menaiktaraf jalan tuju ke Jambatan Batu Kawa dengan kos sebanyak RM27.27 juta. Projek ini

dijangka akan dimulakan pada akhir tahun 2011 dengan tempoh pembinaan selama 18 bulan; dan

- (iii) Projek Menaiktaraf Jalan Mambong/Sejingkat - Pembinaan jambatan Sg. Tabuan dengan kos sebanyak RM54.2 juta. Projek ini telah dimulakan pada 17 Februari 2010 dan dijangka siap pada Ogos 2012.

Sekian, terima kasih.

Vio- SoftLAM : II
~~NO. AUM T10~~

MO A I IP
= PflIJ. MUI

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]
TARIKH 16 NOVEMBER 2011
RUJUKAN 4188

SOALAN:

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kriteria pemilihan untuk membekal

mesin biometrik sedangkan mesin itu berada di bawah kawalan keselamatan dan apakah jaminan yang diberikan oleh pihak Kementerian supaya maklumat yang sedia ada tidak dibocorkan kepada pihak luar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Parit yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian telah dilakukan terhadap jenis-jenis teknologi biometrik yang berada dalam pasaran semasa berdasarkan beberapa kriteria. Bagi teknologi biometrik yang digunakan untuk Jabatan Imigresen Malaysia, kriteria utama pemilihan teknologi adalah kepantasan pengambilan dan pengesahan cap jari biometrik. Ini adalah kerana piagam pelanggan Jabatan Imigresen Malaysia bagi semakan imigresen di pintu-pintu masuk negara perlu dilakukan dalam tempoh 1 minit untuk setiap individu.

Selain daripada itu, teknologi tersebut juga perlu memenuhi piawaian antarabangsa biometrik seperti FBI EFTS, FBI WSQ, ANSI/NIST, ANSI INCITS dan ISO/IEC bagi memastikan perkongsian maklumat biometrik kelak dapat dikongsi dengan lebih berkesan di antara agensi-agensi domestik dan antarabangsa.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan pembekal untuk menjaga

JAWAPAN:

kerahsiaan maklumat data biometrik serta dokumen berkaitan pembekalan Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) di samping dilengkapi perisian yang memelihara keselamatan sistem, seperti yang telah diperuntukkan di dalam Perjanjian Konsesi di antara Kerajaan dan NERS Sdn. Bhd.

NO. SOALAN: t3 0LO

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB TUAN GWO-BURNE LOH

TARIKH 16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI

menyatakan tindakan susulan Peguam Negara terhadap laporan akhbar

Utusan Malaysia bertarikh 7 Mei 2011 bertajuk “Kristian Agama Rasmi”.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
NO. SOALAN: 13
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan daripada laporan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 7 Mei 2011 bertajuk "Kristian Agama Rasmi", beberapa laporan polis telah dibuat oleh pelbagai pihak di negara ini berhubung dengan isu tersebut. Susulan daripada itu, pihak Polis Diraja Malaysia telah membuka kertas siasatan dan menjalankan siasatan mengikut perenggan 4(1)(a) Akta Hasutan 1948. Siasatan telah dijalankan secara menyeluruh untuk mengumpul maklumat serta keterangan yang berkaitan. Setelah siasatan lengkap, kertas siasatan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk penelitian.

Setelah meneliti dan menimbangkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan di dalam kertas siasatan berkenaan, Jabatan Peguam Negara mendapati bahawa tiada bukti dan keterangan kukuh bagi menyokong dakwaan bahawa terdapatnya suatu ikrar dilafazkan untuk

NO. SOALAN: 13

menjadikan agama Kristian sebagai agama rasmi Malaysia. Individu yang dikatakan membaca ikrar juga tidak dapat dikenal pasti.

Selain itu, tiada apa-apa rakaman video mahupun audio untuk menyokong bahawa adanya ikrar menjadikan agama Kristian sebagai agama rasmi Malaysia sebagaimana yang didakwa. Gambar-gambar yang dimuat naik ke dalam laman blog sebagaimana yang disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia juga tidak diketahui pembuatnya. Saksi-saksi yang hadir dalam majlis tersebut kesemuanya menafikan dakwaan adanya ikrar sedemikian diucapkan oleh mana-mana pihak atau individu.

Setelah mengambikira kelemahan-kelemahan yang ada, Jabatan Peguam Negara mengambil keputusan untuk tidak menuduh mana-mana individu di dalam kes ini. Oleh yang demikian, kertas siasatan tersebut telah ditutup dan tiada apa-apa pendakwaan yang dibuat terhadap mana-mana pihak.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [Lenggong]

TARIKH 16 NOVEMBER 2011 [RABU]

SOALAN

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) tahap fahaman pluralisme di negara ini dan kesannya kepada umat Islam dan bagaimana mengatasinya; dan**
- (b) apakah langkah Kerajaan menghadapi fahaman kebebasan tanpa batas sehingga melanggar ajaran Islam dan melampau adat serta tatasusila masyarakat negara ini.**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Penglibatan masyarakat Islam di Malaysia dalam fahaman liberalisma dan pluralisma adalah terkawal. Walaubagaimana pun, Kerajaan memberi perhatian yang serius supaya kedua-dua fahaman ini tidak terus menular dan berkembang di negara ini kerana ianya boleh mengancam akidah. Atas dasar ini, Kerajaan sentiasa terus berkerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri-negeri dan lain-lain agensi berkaitan dalam menangani isu ini.

- b) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung fahaman liberal dan pluralisma adalah seperti berikut:
 - i) mengadakan majlis-majlis penjelasan tentang bahaya fahaman pluralisme agama dengan kerjasama Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri Negeri (JAIN) serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan;
 - ii) melakukan pemantauan dan kajian terhadap apa jua program yang dibuat oleh organisasi atau individu tertentu yang mempunyai unsur-unsur pluralisme agama;
 - iii) memantau dan mengkaji laman-laman web dan blog yang menyebarkan fahaman liberal;

- iv) mengkaji dan seterusnya mengeluarkan fatwa-fatwa yang berhubungkait amalan atau perbuatan agama lain yang diamalkan oleh orang Islam yang mengandungi unsur-unsur pluralisme agama seperti fatwa Yoga, *Valentine's Day* dan *Candlelight Vigil*; dan
- v) menyediakan Garis Panduan Kongsi Raya dan juga Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]
TARIKH 16 NOVEMBER 2011

SOALAN:

DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta PERDANA

MENTERI menyatakan

- (a) Bolehkah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mendaftar seseorang jika orang tersebut tidak pun mendaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara; dan

- (b) jika boleh, berapa yang telah mendaftar sebagai pemilih dan bagaimana ini boleh terjadi.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan di bawah Perkara 119(1), bahawa seseorang warganegara Malaysia adalah layak untuk didaftarkan sebagai pemilih sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan, bermastautin di mana-mana Bahagian Pilihan Raya di Malaysia (jika tidak ia dikira sebagai pengundi tidak hadir); dan tidak hilang kelayakan untuk menjadi seorang pemilih. Untuk kesemua syarat tersebut, seseorang individu itu mestilah terlebih dahulu disahkan sebagai warganegara di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan mempunyai rekod dalam pangkalan data JPN. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia akan mendapatkan pengesahan bagi kesemua syarat tersebut daripada pihak JPN terlebih dahulu sebelum memproses sebarang permohonan untuk

didaftarkan sebagai pemilih. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang itu tidak mempunyai rekod pendaftaran

NO. SO ALAN: 22

dengan pihak JPN, maka SPR tidak boleh memproses permohonannya untuk didaftarkan sebagai pemilih.

- (b) Sekiranya berlaku kes di mana ada pemilih yang tidak mempunyai rekod di JPN, yang tidak berlaku pada masa ini dan tidak akan berlaku pada masa hadapan, SPR akan menjalankan siasatan lanjut dengan pihak JPN.

Sekian, terima kasih.

140 -SoALA^J •' ^

~~NQ. AUM~~ : 3

~~NQ. AUP~~-1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED
JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]**

TARIKH 16 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4186

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung dan mengekang fahaman komunis yang dikatakan mula menular di kalangan rakyat Malaysia dan apakah kesannya kepada keselamatan dan kestabilan negara.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan sedang memantau sebarang pergerakan dan aktiviti- aktiviti yang dijalankan oleh individu-individu ataupun pertubuhan-pertubuhan yang cuba menghidupkan semula ideologi komunis dimana ideologi ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang tidak mengakui wujudnya Tuhan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

**DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]**

TARIKH

16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN:

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah rasionalnya RTM dan stesen tv yang lain membenarkan slot bagi perutusan Aidil Fitri oleh isteri YAB. Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah menyiarkan slot perutusan Aidil Fitri sebagai landasan kepada isteri YAB Perdana Menteri menyampaikan ucapan aidil fitri khususnya untuk golongan wanita dan keluarga dengan harapan ianya memberikan semangat dan usaha yang lebih mendekati rakyat.

SOALAN NO: 24

Selain itu, RTM dan beberapa stesen TV lain tidak hanya menyiarkan slot ucapan Hari Raya terhad kepada pemimpin-pemimpin negara, malah turut memberikan peluang kepada rakyat jelata yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya yang bertugas di musim perayaan dan yang jauh di perantauan untuk menyampaikan ucapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

DATUK WEE JECK SENG

[TANJONG PIAI]

TARIKH

16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta PERDANA MENTERI

menyatakan apakah kriteria asas yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam proses meluluskan permohonan Projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA).

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Interim PR1MA telah diamanahkan untuk menubuhkan satu badan khas bagi pengurusan Projek

NO. SOALAN: ^./

Perumahan Rakyat 1 Malaysia. Unit PR1MA sedang menjalankan kajian ke arah merumus strategi, dasar dan kaedah pelaksanaan. Hasil kajian berkaitan akan dibentangkan kepada dewan yang mulia ini pada masa yang sesuai. Pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat merupakan sebahagian daripada kajian yang dijalankan.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS _____ (2011) _____

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]

TARIKH 16 NOVEMBER 2011 [RABU]

SOALAN

Dato' Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah lebih berkesan dicadangkan supaya pengagihan zakat kepada para asnaf dilakukan sebaik mungkin bagi mengatasi mereka yang berhak daripada mendapatkan bantuan pihak lain menyebabkan mereka terdedah kepada tekanan dan penyelewengan aqidah.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

I

Saya percaya Kerajaan Negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari masa ke semasa mengikut kemampuan masing-masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat.

NO. SOALAN: ^./

Dalam melaksanakan agihan zakat, terdapat dua kaedah utama yang diamalkan oleh MAIN dan agensi zakatnya bagi menyalurkan bantuan dana zakat kepada golongan asnaf. Kaedah pertama adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan kedua melalui pendekatan 'turun padang' di mana pegawai pengurusan zakat mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan. Melalui pendekatan tersebut, MAIN menyediakan senarai pemohon dan penerima bantuan zakat melalui bancian, siasatan dan kajian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pegawainya dengan kerjasama eratamil-amil, jawatankuasa masjid, persatuan penduduk, JKKK, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Tindakan bersepadu ini juga dapat memastikan bakal-bakal penerima zakat dapat dikesan secara menyeluruh.

Senarai pemohon dan penerima diproses dan dikemaskini dari semasa ke semasa dalam pangkalan data pengurusan zakat. Senarai berkenaan disemak dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Agihan negeri masing-masing bagi memastikan mereka adalah tergolong dalam asnaf yang layak diberi bantuan menerusi pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan tertakluk kepada syarat kelayakan dan had kifayah yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

Berdasarkan lapan asnaf itu, pelbagai skim bantuan ditawarkan dan diagihkan kepada para penerima yang layak. Antaranya bantuan

kewangan bulanan, bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, bantuan membina / membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah dan lain-lain. Dengan agihan dan skim-skim bantuan zakat seumpama inilah yang akan dapat membantu asnaf zakat daripada kedaifan dan kepinggiran.

Program-program pembangunan ekonomi yang mampu memberi impak yang tinggi (*High Impact Program*) kepada asnaf untuk keluar daripada belunggu kemiskinan melalui skim bantuan zakat juga diwujudkan. Umpamanya skim latihan kemahiran, skim bantuan modal perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan deposit membeli van / bas sekolah dan lain-lain. Di Wilayah Persekutuan misalnya, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan sebanyak 27 skim bantuan, sebahagian besarnya adalah sepertimana yang disebutkan itu.¹

Program-program skim bantuan ini membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari membina hidup yang lebih selesa. Seterusnya mereka akan keluar pula sebagai pembayar zakat. Inilah bentuk "pelaburan wang zakat" yang dikendalikan oleh MAIWP, Lembaga Zakat Selangor dan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri yang lain agar dapat memberi faedah jangkamasa panjang kepada umat Islam.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Datuk Tiong Thai King [Lanang]

TARIKH

16 November 2011 (Rabu)

SOALAN

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memberi bantuan kepada pemilik dusun durian di negeri Sarawak untuk menanam semula dengan pokok durian yang bermutu tinggi seperti D24 dan Musang King memandangkan durian keluaran negara kita telah dieksport ke China.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Jabatan Pertanian Sarawak sentiasa memberikan tumpuan kepada pembangunan buah-buahan tempatan yang mampu menjana pendapatan yang lumayan kepada petani dan buah-buahan yang popular dan berpotensi untuk pasaran tempatan dan eksport. Ini termasuk penanaman semula dan pemuliharaan dusun durian dengan penanaman pokok durian yang bermutu tinggi seperti D24, D96, D99, D123, D168, dan DS68.

Dalam RMKe-10, Pelan Program Pembangunan Buah-buahan akan melibatkan pembangunan baru dusun buah-buahan seluas 8,848 hektar dan juga pemuliharaan dusun sedia ada seluas 2,400 hektar. Sebahagian jumlah keluasan tersebut akan ditanam dengan klon durian bermutu tinggi.

Pada amnya, kaedah pelaksanaan adalah melalui penanaman berkelompok dan ladang kontrak yang akan melibatkan beberapa usahawan tani.

Untuk memastikan agar perusahaan tersebut mampu berdaya maju, pembangunan dusun buah-buahan tersebut telah dan akan dilaksanakan secara komersial dan diusahakan mengikut Amalan Pertanian Baik (APB). Insentif pengeluaran seperti

input pertanian, bantuan untuk pembangunan infrastruktur ladang dan kemudahan lain yang diperlukan akan dimuatkan di dalam pakej pembangunan projek berkenaan. Pihak Kementerian akan memberi perhatian sepenuhnya dan seterusnya menimbang untuk memberi bantuan dalam merealisasikan pembangunan dusun durian di Negeri Sarawak.

tJO *S04L AnI *
NO. AUM : 66

MO A I IP -
nIU. MUr .

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]
TARIKH 16 NOVEMBER 2011
RUJUKAN 4335

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) pada 31 September 2011, berapakah jumlah wang yang telah dibekukan di bawah setiap kategori kesalahan di bawah Anti-Money Laundering Act (AMLA) dan juga pecahan angka bagi setiap

kumpulan etnik iaitu etnik India, Melayu, Cina dan lain-lain dan berapakah jumlah wang yang telah dirampas di bawah AMLA untuk kategori-kategori tersebut di atas; dan

(b) selain itu, apakah mekanisme yang telah diwujudkan untuk mendapatkan pembelaan di mahkamah, bagi memastikan denda paling minimum bagi AMLA terhadap agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain seperti pasukan Polis Diraja Malaysia, Imigresen, Kastam dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), sejak tahun 2003 hingga 31 September 2011, sebanyak 1,460 akaun dengan wang sejumlah RM164,825,898.08 dan wang tunai sejumlah RM204.819.00 telah dibekukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 931 akaun dengan wang sejumlah RM104,029,481.98 dan wang tunai sejumlah RM13,009,886.60 telah disita di bawah akta yang sama.

Bagi pecahan mengikut kaum pula, 123 melibatkan kaum Melayu, 219 Cina, 28 India dan 13 dari lain-lain kaum.

Tuan Yang Dipertua,

SOALAN NO. 29

Bagi menjawab soalan (b), penentuan hukuman adalah tertakluk di bawah bidang kuasa oleh pihak mahkamah. Walau bagaimanapun, buat masa ini peruntukan hukuman di dalam akta ini adalah mencukupi bagi mengekang aktiviti pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]
TARIKH 16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN:

Minta Perdana Menteri menyatakan :

- a) Berapakah jumlah penduduk yang tersenarai dalam eKasih dan bilangan mengikut negeri; dan
- b) Apakah kriteria pemilihan golongan eKasih dan sehingga kini berapakah jumlah golongan miskin tegar yang telah berjaya disifarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

eKasih adalah merupakan Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional yang telah diwujudkan oleh Kerajaan untuk mengintegrasikan data dan maklumat isi rumah di bawah paras kemiskinan tanpa mengira kaum dan strata sama

ada di bandar mahupun luar bandar. Bilangan dan kedudukan setiap isi rumah di dalam eKasih akan dipantau dan pergerakan mereka akan dilaporkan bagi menentukan kedudukan status dan juga bantuan yang diperlukan melalui *need analysis* yang dilakukan. Terdapat empat kategori maklumat kemiskinan yang boleh dijana dari eKasih, iaitu Miskin Tegar, Miskin, Mudah Miskin dan Melempi *Threshold* atau Terkeluar. Sehingga 31 Oktober 2011, bilangan yang berdaftar seluruh negara adalah sebanyak 334,779 isi rumah untuk semua status dan taburan jumlah mengikut status dan negeri adalah seperti di Jadual 1:

JADUAL 1: STATISTIK ISI RUMAH MISKIN eKASIH MENGIKUT NEGERI (terkumpul sehingga 31 Oktober 2011)

Negeri	Status Kemiskinan				Jumlah
	Miskin Tegar	Miskin	Mudah Miskin	Terkeluar	
Johor	77	3,135	7,557	5,067	15,836
Kedah	343	5,586	11,702	3,169	20,800
Kelantan	1,894	14,080	21,250	6,835	44,059
Melaka	4	1,253	3,228	1,822	6,307
N.Sembilan	332	1,900	5,604	2,684	10,520
Pahang	111	2,859	9,129	1,617	13,716
Perak	735	5,741	10,235	6,747	23,458
Perlis	228	1,944	4,332	2,723	9,227
P.Pinang	8	1,713	10,666	2,578	14,965
Sabah	6,500	30,555	14,207	2,742	54,004
Sarawak	2,990	25,512	23,213	5,073	56,788
Selangor	760	4,223	9,454	1,608	16,045
Terengganu	258	6,997	21,563	11,807	40,625
W.Persekutuan	196	1,952	4,308	1,973	8,429
JUMLAH	14,436	107,450	156,448	56,445	334,779

SOALAN NO. 29

Memandangkan fenomena kemiskinan adalah berubah-ubah, Kerajaan menyediakan mekanisme pendaftaran terbuka dalam eKasih sebagai kaedah untuk pendaftaran individu atau isi rumah yang dirasakan masih

tercicir dari eKasih. Setiap isi rumah yang dilaporkan melalui proses verifikasi (bancian di lapangan) sebelum maklumat diproses dan profilnya dimasukkan ke dalam eKasih. Hasil temuramah dan bancian tersebut profil isi rumah telah dikutip, status kemiskinan sesebuah isi rumah tersebut akan dinilai berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kerajaan melalui Focus Group di peringkat negeri dan daerah sentiasa memastikan tindakan verifikasi berjalan berterusan, data-data pendaftaran terbuka ini dijalankan sepanjang masa.

Pada satu-satu masa, data dan statistik dari eKasih digunakan untuk menentukan kadar kemiskinan negara berbanding jumlah penduduk. Umpamanya kadar kemiskinan tegar berdasarkan data dan statistik pada 31 Disember 2010 ialah 0.019% (dianggap sama dengan sifar) apabila isi rumah yang menerima bantuan telah melepasi PGK miskin tegar dan bergerak ke kelompok miskin dan seterusnya. Berbanding dengan data dan statistik pada 31 Oktober 2011, kadar kemiskinan tegar ialah 0.2%. Ini adalah disebabkan adanya pertambahan senarai terbuka. Kerajaan adalah komited dan akan terus berusaha memastikan kadar miskin tegar kekal di bawah 0.5% dan kadar kemiskinan keseluruhannya pada 2.8% pada akhir 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN AZAN BIN ISMAIL

[INDERA MAHKOTA]

JAWAPAN:

TARIKH

16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan pengumuman pengisytiharan harta kesemua Ahli Kabinet Kerajaan sebagaimana tuntutan ke arah ketelusan pentadbiran.
Tuan Yang Di Pertua,

Anggota-anggota Pentadbiran telah disyaratkan supaya membuat pengisytiharan harta untuk dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri. Tidak menjadi amalan pentadbiran Kerajaan untuk mendedahkan senarai berkenaan kepada pengetahuan umum kerana ia melibatkan *'privacy* dan keselamatan anggota-anggota pentadbiran berkenaan.

Sekian, terima kasih

NO. SOALAN:

31 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA PE
RTA LISAN
NY
TARIKH AA
N

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

16 November 2011 (Rabu)

SOALAN

Y.B. Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta Perdana Menteri menyatakan kesediaan Kerajaan Pusat dan Petronas bagi meningkatkan royalti minyak di Sabah yang pada masa ini pada kadar 5 peratus kepada lebih 10 peratus bagi tujuan pembangunan yang lebih holistik di negeri Sabah dan berapa jumlah pembayaran royalti minyak kepada Kerajaan Sabah sejak tempoh 10 tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran royalti kepada Kerajaan-Kerajaan negeri yang berkenaan termasuk Sabah. Peruntukan mengenai bayaran royalti kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan negeri adalah terkandung dalam Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau *Production Sharing Contract* (PSC) yang ditandatangani di antara PETRONAS dengan rakan PSC seperti Shell, ExxonMobil dan sebagainya. Sehubungan itu, sebarang

tindakan untuk meminda kadar royalti perlu dirundingkan semula antara

PETRONAS dan rakan PSC berkenaan. Oleh kerana kontrak PSC berkuatkuasa untuk satu tempoh tertentu, sebarang langkah untuk memindanya lebih-lebih lagi untuk menaikkan kadarnya, dikhuatiri akan menghakis minat dan keyakinan syarikat minyak asing untuk bergiat dalam industri hulu petroleum yang melibatkan aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas di negara ini. Sungguhpun kadar royalti minyak kepada Kerajaan-Kerajaan negeri berkaitan hanya 5 peratus, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar kepada negeri-negeri terbabit, jauh melebihi hasil yang diterima daripada bayaran royalti minyak. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kespuluh, negeri Sabah merupakan antara negeri yang tertinggi menerima peruntukan pembangunan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM20.6 bilion telah diperuntukkan untuk negeri Sabah. Bagi dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kespuluh, negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM5.8 bilion untuk tahun 2011 dan RM4.4 bilion untuk tahun 2012.

Jumlah pembayaran royalti minyak kepada negeri Sabah sejak 10 tahun lalu adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM Bilion)	Tahun	Jumlah (RM Bilion)
2001	0.20	2006	0.41
2002	0.16	2007	0.36
2003	0.21	2008	0.75
2004	0.25	2009	0.74
2005	0.27	2010	0.82

NO. SOALAN : 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

[KUALA KRAI]

TARIKH

16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

a) sama ada benar berita yang menyebut isteri YAB. Perdana Menteri menjadi penama dalam borang import Kastam bagi sebentuk cincin berlian bernilai RM24 juta; dan

b) jika tidak, siapa yang dikesan oleh pihak Kastam DiRaja membawa masuk barangan tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada istilah penama yang

digunakan dalam borang Kastam bagi Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport. Istilah yang digunakan dalam borang tersebut adalah Pengeksport dan Pengimport.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, nama Pengeksport dan Pengimport dalam borang berkenaan adalah dari syarikat yang sama iaitu Jacob & Co.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

SOALAN : 33

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

MALAYSIA

LISAN

DARIPADA

**YB DATUK SERI
PANGLIMA WILFRED
MOJILIP
BUMBURING
(TUARAN)**

TARIKH

16 NOVEMBER 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah projek jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air yang telah dilulus dan sedang dilaksanakan di kawasan Tuaran tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.0 billion untuk pembinaan 180 batang jalan dengan jumlah panjang 1,036 km. Daripada jumlah tersebut, RM141.25 juta telah diperuntukkan untuk membina 9 batang jalan di daerah Tuaran dengan panjang 83.51 km. Bagi kesemua projek ini, 2 projek telah siap, 6 projek dalam pembinaan dan 1 projek dalam proses tawaran.

Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), terdapat 5 buah projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang berjumlah RM57.03 juta sedang dan akan dilaksanakan di Tuaran, Sabah. Pelaksanaan kesemua projek ini rata-ratanya dijadualkan siap pada penghujung tahun 2012.

Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula pada tahun 2011 sedang melaksanakan sepuluh (10) projek di kawasan Parlimen Tuaran melibatkan kira-kira 331 buah rumah. Anggaran kos untuk pelaksanaan projek ini ialah RM25.18 juta dan dijangka akan siap pada bulan Oktober 2012

^O-SOALAM *•
? ¥ NO.AUM : 30

~~NO. ALJ⁹-~~
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

16 NOVEMBER 2011

TARIKH

4191

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa warga China keturunan Ulghur yang ingin mendapatkan status pelarian dihantar balik ke China.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah menangkap beberapa orang warganegara China kerana disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan manusia ke negara ketiga dengan menggunakan Negara Malaysia sebagai negara transit.

Sehubungan dengan itu, pada 17 Ogos 2011, Kerajaan China telah memohon supaya mereka dihantar pulang ke China untuk tindakan pihak berkuasa China atas dakwaan bahawa mereka terlibat didalam aktiviti penyeludupan manusia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 16 NOVEMBER 2011 (RABU)

**DARIPADA Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN

Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membendung kes tanah runtuh

JAWAPAN

seperti yang berlaku di perkampungan Ruil, Cameron Highland, Pahang baru-baru ini, memandangkan ia mampu mengundang kerisauan pengunjung untuk bercuti di kawasan tersebut serta menjejaskan imej pelancongan negeri Pahang.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini bertanggungjawab melaksanakan perancangan bagi mewujudkan kehidupan yang berkualiti dan selamat untuk semua, termasuk penduduk serta pelancong ke negara ini. Kementerian ini telah menyediakan undang-undang, dasar, rancangan pemajuan serta garis panduan khusus bagi mengawal pembangunan yang dibenarkan di kawasan tanah tinggi dan lereng bukit.

Pada asasnya, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), telah menyediakan rangka undang-undang yang kukuh bagi merancang (Bahagian II dan III), mengawal (Bahagian IV) serta mendenda pihak yang melanggar syarat perancangan bagi sesuatu pemajuan (Bahagian IV), termasuk pemajuan di tanah tinggi dan lereng bukit.

Rancangan Fizikal Negara (RFN), iaitu satu dasar peringkat nasional yang disediakan di bawah peruntukan seksyen 6B Akta 172, telah

menggariskan keperluan pemeliharaan kawasan bukit dan tanah tinggi, yang mana kawasan ini dikategorikan sebagai kawasan sensitif alam sekitar. Ini diterjemah di peringkat negeri, melalui Rancangan Struktur Negeri yang disediakan mengikut keperluan seksyen 8 Akta 172 dan di peringkat tempatan pula, ia diterjemah melalui **rancangan tempatan seperti mana ditetapkan di bawah seksyen 12 Akta 172.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian pada masa ini sedang melaksanakan kajian semula Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133) bersama-sama jabatan dan agensi-agensi teknikal Kerajaan yang lain untuk mensyaratkan semua pembangunan di kawasan yang mempunyai cerun melebihi 60 darjah kecerunan supaya disahkan selamat oleh perunding pemeriksa bebas yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) selain daripada pengesahan daripada jurutera perunding yang dilantik oleh pemaju sendiri.

Selain daripada undang-undang dan rancangan pemajuan, Kementerian ini juga menyediakan **Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi (GPP)** yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2009. GPP ini mensyaratkan jenis pemajuan dan aktiviti yang boleh dijalankan di kawasan tanah tinggi

dan lereng bukit, serta langkah-langkah kawalan semasa kerja tanah. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bil. 6 Tahun 2009 yang dikeluarkan pada 14 Oktober 2009 menguatkuasakan penggunaan garis panduan ini di peringkat PBT.

Walaupun bagaimanapun, bagi memastikan pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi dilaksanakan seperti yang dirancang, kuasa Kementerian ini adalah terhad. Ini ialah kerana di bawah peruntukan Akta 172 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), kuasa untuk meluluskan sesuatu pembangunan, sama ada di kawasan tanah tinggi atau bukan, adalah tertakluk kepada bidang kuasa PBT. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini pada 8 Setember 2011 melalui surat no. rujukan JKT.B.900-2/1 Klt.2(28) telah mengeluarkan arahan kepada pihak PBT untuk mengambil tindakan-tindakan berikut;

- a) Menguatkuasakan sepenuhnya seksyen 83 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu kuasa-kuasa mengenai bangunan-

bangunan yang berada dalam keadaan hampir runtuh dan berbahaya.

- b) Menubuhkan pasukan petugas khas kawalan cerun dan tanah tinggi bagi memantau kawasan dan bangunan yang berisiko tinggi dan sederhana untuk setiap 6 atau 3 bulan apabila tiba musim hujan;
- c) Memastikan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan cerun bagi bangunan-bangunan yang berisiko tinggi dan menunjukkan tanda-tanda kegagalan cerun dijalankan;
- d) Dari segi anjakan bangunan di mana struktur bangunan yang dibina berhampiran kaki cerun yang tidak ada sebarang langkah kejuruteraan untuk menstabilkan cerun berkenaan, hendaklah dibina di luar zon penamparan iaitu sekurang-kurangnya 2 kali ganda ketinggian cerun. Manakala struktur bangunan yang dibina berhampiran cerun yang terdapat langkah kejuruteraan bagi penstabilan cerun, hendaklah dibina di luar zon penamparan iaitu sekurang-kurangnya sekali ganda ketinggian cerun;
- e) Membuat penyenggaraan cerun menggunakan dokumen *Guideline on slope Maintenance* yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Kerja Raya sebagai panduan dan rujukan; dan

Selain daripada itu, PBT juga bertanggung jawab memantau pemajuan yang dijalankan di tanah tinggi dan lereng bukit, dan seharusnya mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap pihak yang melanggar undang-undang atau syarat pemajuan yang dikenakan untuk pembangunan di kawasan berisiko tinggi ini.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2011-

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

TARIKH 16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI

menyatakan sejauh manakah benar, pegangan Kerajaan dalam 23 GLC akan dilupuskan sebagaimana pengumuman Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Eksekutif PEMANDU, YB Datuk Idris Jala dalam Utusan Malaysia pada 6 Julai 2011. Apakah dasar pelupusan bagi memastikan kaum Bumiputera diberi peluang dan hak untuk menguasai pegangan dalam

23 GBC yang akan dilupuskan dan siapakah yang bertanggungjawab dari segi penilaian bagi menentukan siapakah yang layak diberi peluang dan tidak ada strategi harus meminggirkan syarikat Bumiputera.

Jawapan

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan telah memberi mandat kepada TERAJU untuk turut serta dalam proses pelupusan untuk memastikan syarikat Bumiputera yang sesuai dan berkaliber mempunyai peluang untuk turut serta dalam mengambilalih kepentingan tersebut. Justeru, TERAJU akan memastikan dasar pelupusan dijalankan seiring dengan pendekatan pembangunan inklusif berdasarkan prinsip keperluan, merit, ketelusan,

dan mesra pasaran. Keutamaan diberikan kepada syarikat Bumiputera yang berkeelayakan dengan tujuan untuk memangkinkan penyertaan Bumiputera di dalam bidang ekonomi baru, di samping turut menjamin keterjagaan kepentingan Kerajaan dalam memastikan objektif utama proses pelupusan adalah dipenuhi.

Peruntukan tadbir usus (governance) syarikat sedia ada sepertimana yang diperuntukan dalam Akta Syarikat, 1965 akan diguna pakai dimana Lembaga Pengarah GLIC yang terbabit akan dipertanggungjawabkan untuk memberi saranan untuk pertimbangan dan persetujuan pemegang-pemegang saham GLIC tersebut.

Setakat hari ini, kesemua aktiviti perlupusan kepentingan kerajaan dalam GLC telah mengambilkira kepentingan kaum bumiputera sebagai contoh Pos Malaysia yang mana dilupuskan kepada DRB-HICOM Bhd, PLUS Expressway kepada KWSP yang mana ahli-ahli KWSP secara majoritinya kaum bumiputera, peyenaraian MSM yang telah memberi pulangan besar secara terus kepada peneroka Felda yang hampir kesemuanya bumiputera.

Penyenaraian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) yang diumumkan ketika pembentangan bajet tempoh hari juga akan memberi manfaat dan pulangan kepada golongan peneroka Felda.

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B, DATO⁷ SER I ZAHRAIN BIN MOHAMED**
KAWASAN **HASHIM BAYAN BARU**
TARIKH **16 NOVEMBER 2011 (RABU)**

SOALAN

Y.B. DATO* SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan kepada kesesakan jalan raya yang semakin serius di kawasan Bayan Baru, Pulau Pinang khususnya jalan-jalan ke arah Relau dan Sungai Ara, adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mengurangkan kesesakan di kawasan ini.

JAWAPAN i
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya amat prihatin dan mengambil maklum mengenai isu kesesakan dari Bulatan Bayan Baru menghala ke Relau dan Sungai Ara khususnya pada waktu puncak. Hasil daripada kajian awal pihak Kementerian mendapati kesesakan trafik yang berlaku pada waktu puncak berpunca daripada peningkatan jumlah aliran trafik berikutan pertumbuhan pesat pusat komersial dan kawasan perumahan baru di sepanjang koridor jalan tersebut serta sistem lampu isyarat (signal timing) yang terdapat di Bulatan Bayan Baru dan jalan yang menghala ke Sungai Ara.

Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah kesesakan ini dalam jangka pendek, pihak Kementerian akan melaksanakan beberapa langkah seperti memohon kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk mengemaskini kitaran masa sistem lampu isyarat (signal timing) dan memohon kerjasama daripada Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) untuk mengawal lalulintas di Bulatan Bayan Baru pada waktu puncak. Manakala bagi penyelesaian jangka panjang pula, pihak Kementerian akan mencadangkan agar jalan tersebut dinaiktaraf daripada 4 lorong 2 hala kepada 6 lorong 2 hala bagi menampung jumlah kenderaan yang semakin bertambah. Walau bagaimanapun pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN Y.B. TUAN SIVARASA A/L RASIAH
[SUBANG] 16 NOVEMBER 2011

DARI PADA SOALAN

TARIKH Y.B. Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta
PERDANA MENTERI menyatakan sama ada
Kerajaan bercadang meminda Peraturan Mesyuarat

Parlimen yang sedia ada untuk memastikan perjalanan semua jawatankuasa Parlimen adalah terbuka kepada awam mengikut tradisi Parlimen Westminster dan Parlimen moden dengan kuasa untuk mengadakan mesyuarat tertutup dalam keadaan yang istimewa (*special circumstances*)

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Peraturan Mesyuarat sedia ada untuk mengikut amalan Westminster kerana peraturan sedia ada adalah mencukupi untuk tujuan yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED
SAID

TARIKH: 16 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) Jumlah caruman PERKESO yang masih tertunggak oleh majikan-majikan di negara ini sehingga kini; dan
- (b) sehingga hari ini, berapakah bilangan majikan yang telah dikenakan hukuman atas keengganan mereka untuk mencarum kepada PERKESO bagi mengelakkan kebajikan pekerja yang ditimpa kemalangan di tempat kerja terabai.

PR-1243-L46425

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (AKSP 1969) majikan yang menggaji sekurang-kurangnya seorang pekerja atau lebih termasuklah kontraktor-kontraktor kecil dan orang persendirian

yang menggaji pekerja tempatan adalah wajib mendaftar dan membayar caruman setiap bulan kepada PERKESO. Majikan yang gagal mematuhi AKSP 1969 boleh dikategorikan sebagai *defaulters* dan boleh diambil tindakan pendakwaan atau pengkompaunan. Bilangan majikan *defaulters* (yang tiada caruman untuk 12 bulan) sepanjang tahun 2010 adalah sebanyak 23,209 majikan dengan anggaran jumlah caruman sebanyak RM 25,897,798.95. Manakala bagi tahun 2011 sehingga 18 Oktober 2011, seramai 34,542 majikan dan anggaran jumlah caruman sebanyak 26,374,003.02

2. Majikan 'defaulters' ini akan ditangani menerusi pemeriksaan berjadual dan tidak berjadual yang akan dilakukan oleh Pegawai-Pegawai Pemeriksa PERKESO. Sekiranya selepas pemeriksaan didapati terdapat tunggakan yang perlu dibayar oleh majikan, maka majikan akan diminta membayar tunggakan tersebut. Sekiranya mereka tidak membayar tunggakan tersebut maka tindakan pendakwaan akan diambil terhadap mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Berhubung dengan pertanyaan kedua Y.B Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said mengenai bilangan majikan yang telah dikenakan hukuman atas keengganan mereka untuk mencarum kepada PERKESO bagi mengelakkan kebajikan pekerja yang ditimpa kemalangan di tempat kerja terabai, untuk makluman Dewan Yang Mulia, tindakan pendakwaan hanya merupakan tindakan terakhir yang diambil ke atas majikan yang melakukan kesalahan. Mengikut

Seksyen 94 - Kemungkiran membayar caruman boleh dihukum dengan hukuman penjara tidak lebih 2 tahun, atau denda tidak

melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya. Bilangan majikan yang dikenakan hukuman denda bagi tempoh Januari hingga September 2011 adalah sebanyak 750 majikan dan tiada hukuman penjara dikenakan. Maklumat lengkap seperti rajah 1.

Rajah 1 : Kes Pendakwaan Majikan Atas Keengganan Mereka Mencarum Kepada PERKESO

Jenis Kesalahan	Januari - September 2011		
	Kes Pendakwaan Selesai		Kes Pendakwaan Dalam Proses
	Bilangan Kes	Denda (RM)	Bilangan Kes
Gagal mencarum	99	64,050.00	203
Gagal daftar perusahaan	311	79,000.00	384
Lewat daftar perusahaan	54	11,450.00	58
Gagal lapor kemalangan	85	13,130.00	85
Gagal daftar pekerja	39	8,750.00	83
Gagal membayar FCLB (Faedah Caruman Lewat Bayar)	73	41,450.00	141
Saman jabatan	86	40,900.00	169
Maklumat palsu	2	1,500.00	7
Gagal Sedia Rekod Pekerja	1	300.00	
Gagal Bayar Balik FHUS (Faedah Hilang Upaya Sementara)			2
Jumlah	750	260,530.00	1132

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARI PADA

YB Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan]

TARIKH

16 November 2011 (Rabu)

SOALAN

40

YB Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan sama ada Pasukan Petugas Khas PKFZ (High-Powered Taskforce) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara untuk mengkaji kemungkinan memperkasa daya maju (turnaround) Projek PKFZ masih berfungsi. Apakah satu laporan perancangan telah dihasilkan oleh Pasukan Petugas. Jika ada, bila. Jika tidak, mengapa.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini Pasukan Petugas Khas Projek Pembangunan Port Klang Free Zone (PKFZ) yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah diberi mandat selama 6 bulan. Mesyuarat pertama Pasukan Petugas Khas PKFZ adalah pada 16 Oktober 2009. Sehubungan itu, Pasukan Petugas Khas telah pun menyediakan laporannya pada bulan April 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

JAWAPAN:

DARIPADA

TUAN NGA KOR MING

[TAIPING]

TARIKH

16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kisah benar apa yang berlaku ke atas dakwaan bahawa isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor membeli cincin berlian bernilai RM24 juta dari New York dan tindakan yang diambil atas perkara tersebut jika dakwaan itu tidak benar.
Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dijelaskan Isteri YAB Perdana Menteri tidak membeli sebarang cincin berlian bernilai RM24 juta seperti yang dinyatakan dan tiada sebarang tindakan yang diambil.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATUK HALIMAH BINTI MOHD
SADIQUE [TENGGARA]**

**TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT**

16 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah langkah Kerajaan mewujudkan pelan komunikasi antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pelanggan khusus untuk menyalurkan maklumat secara terus kepada pengguna bagi memberikan penjelasan lanjut berhubung dakwaan kenaikan kadar caj elektrik berikutan penukaran meter elektrik digital.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan akan memastikan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam menyampaikan maklumat mengenai penukaran meter digital bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan di kalangan pengguna. TNB telah merancang pelan komunikasi yang akan melibatkan agensi Kerajaan, Media, Badan-Badan Bukan Kerajaan (*Non-Government Organisation* -NGO), Persatuan Penduduk dan pengguna. Antara pelan komunikasi yang telah dan akan dilaksanakan oleh TNB adalah seperti berikut:

- a) Sesi taklimat kepada Parti MCA dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia masing-masing pada bulan 28 Jun 2011 dan 15 Ogos 2011;
- b) Penyiaran *advertorial* penukaran meter di dalam 12 akhbar utama pelbagai bahasa secara berterusan;

- c) Sesi taklimat kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN);
- d) Sesi taklimat kepada pengamal media, NGO dan Persatuan Penduduk pada bulan Oktober dan November 2011; dan
- e) Memuat naik Soalan Lazim (*FAQ - Frequently Asked Question*), dengan izin, mengenai penukaran meter di dalam versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di laman web TNB.

Selain daripada itu, Kementerian saya juga telah mengarahkan Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk memantau proses penukaran meter lama supaya ianya dilaksanakan secara berhemah, telus dan berkesan. Pihak ST juga telah diminta melaksanakan program pelan komunikasi bagi menghebahkan dan memaklumkan kepada orang ramai mengenai program penukaran meter lama menerusi pelbagai saluran media bagi mengelakkan sebarang kekeliruan daripada orang ramai.

JAWAPAN
